

Headline	<b>Ghosn di Syarahan Global Khazanah Jumaat</b>		
Date	<b>17. Mar 2008</b>	Language	<b>MALAY</b>
Media Title	<b>Utusan Malaysia</b>	Page No	<b>15</b>
Section	<b>Dlm Negeri</b>	Article Size	<b>139 cm<sup>2</sup></b>
Circulation	<b>238082</b>	Frequency	<b>Daily</b>
Readership	<b>833287</b>	Color	<b>Full Color</b>



## Ghosn di Syarahan Global Khazanah Jumaat

KUALA LUMPUR 16 Mac – Tokoh korporat terunggul dalam bidang automotif global, Carlos Ghosn (**gambar**) akan berkongsi pandangan mengenai pengurusan perniagaan dan pembangunan modal manusia pada majlis syarahan anjuran Khazanah Nasional Berhad, Jumaat ini.

Ghosn merupakan Presiden dan Ketua Eksekutif untuk dua syarikat sekali gus iaitu Nissan Motor Co. Ltd. (Nissan) di Jepun dan Renault SA (Renault) di Perancis.

Beliau juga akan membincangkan mengenai peluang perniagaan dan pasaran baru di China, India, ASEAN dan juga Malaysia pada majlis Syarahan Global Khazanah (KGL).

Khazanah dalam kenyataan akbar hari ini berkata, tokoh automotif terkemuka dunia itu juga akan menceritakan mengenai pengalamannya hampir suku abad dalam industri tersebut yang me-



lalui empat benua.

Ghosn yang digelar '*Le Cost Killer*' membuat beberapa perubahan dan strategi radikal untuk meletakkan Nissan kembali menjadi satu daripada peneraju dalam industri automotif dunia ma

sa kini.

"Syarahan itu juga akan ditonton secara siaran langsung oleh pelajar-pelajar dari empat universiti iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Tenaga Nasional (Uniten)," kata Khazanah di sini.

KGL di bawah skop Siri Merdeka Khazanah itu turut menjemput tokoh-tokoh terkenal antara bangsa lain untuk berkongsi pandangan mereka mengenai tema umum pembangunan.

Tahun lalu, KGL dihadiri Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Kofi Annan; pemenang Anugerah Nobel 2001 yang juga pakar ekonomi, Profesor Joseph E. Stiglitz; pemenang Anugerah Nobel 2006, Prof. Muhammad Yunus dan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.